



Ahli Kumpulan UEM Group

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

13 DISEMBER 2019

Program Riang Ria Kembali ke Sekolah UEM Edgenta Salurkan Bantuan Keperluan Sekolah kepada 216 pelajar di Kuala Selangor

Bantuan Pendidikan Terus Menjadi Fokus dalam Tanggungjawab Korporat Syarikat

KUALA SELANGOR, 13 Disember – Bagi meringankan beban pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik serta ibu bapa mereka, UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat") telah tampil menghulurkan bantuan melalui penganjuran program sumbangan barangan kembali ke sekolah di Kuala Selangor yang akan memberi manfaat kepada 216 pelajar sekolah rendah dan menengah bagi sesi persekolahan tahun 2020.

Program Riang Ria Kembali ke Sekolah 2020 ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Korporat tahunan Syarikat yang menyediakan barangan sekolah seperti pakaian seragam dan beg sekolah kepada 216 orang pelajar di sekolah-sekolah sekitar daerah Kuala Selangor, khususnya Bukit Melawati, Ijok dan Jeram.

Secara keseluruhan, bilangan penerima menerusi program ini telah meningkat dari tahun ke tahun yang memanfaatkan pemegang berkepentingan dalaman dan luaran utamanya. Dari tahun 2016 ke 2018, UEM Edgenta telah menganjurkan program ini menerusi syarikat induknya iaitu, UEM Group Berhad, di mana program ini telah memberi manfaat kepada seramai 25,785 anak-anak yang kurang bernasib baik. Bagi sesi persekolahan tahun 2020, Syarikat telah mengenal pasti seramai 1,100 pelajar bakal mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

“Sokongan kami terhadap komuniti dalam program seperti ini adalah bertujuan untuk meringankan beban ibu bapa dan kami juga berharap ia akan memberi motivasi dan inspirasi kepada anak-anak untuk melakukan yang terbaik di sekolah. Kami akan meneruskan usaha tanggungjawab sosial dan korporat kami yang memberi tumpuan kepada bantuan berkaitan pendidikan. Sebagai sebuah syarikat yang berteknologi, usaha kami adalah melampaui kedermawaaan kami adalah melebihi bantuan kewangan, kerana kami juga berminat untuk menjadi rakan kongsi dan memberi sokongan kepada komuniti setempat untuk memupuk minat dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), robotik serta kecerdasan buatan,” kata Dr. Nik Fawaz Nik Abdul Aziz, Ketua Pegawai Operasi, Sokongan Kesihatan (Konsesi), Edgenta Mediserve Sdn Bhd ketika majlis program Kembali ke Sekolah yang diadakan di Dewan Dato’ Penggawa Permatang, Kuala Selangor.

Program Riang Ria Kembali ke Sekolah merupakan salah satu daripada pelbagai program berkaitan pendidikan dan komuniti yang dianjurkan oleh UEM Edgenta. Sejak tahun 2016, UEM Edgenta telah melabur RM1.64 juta dalam aktiviti kebajikan dan penglibatan komuniti di mana pendidikan menjadi fokus utamanya.

Selain daripada program Riang Ria Kembali ke Sekolah, Syarikat juga telah menganjurkan kem motivasi, seminar UPSR di beberapa sekolah rendah dan bengkel STEM yang memberi bimbingan pembelajaran pengekodan, litar dan robot. Sebagai sebahagian daripada komitmen Syarikat untuk memberi inspirasi dan mempromosikan STEM, UEM Edgenta baru-baru ini, telah menaja Pasukan Robotik dari Pusat Genius @ Pintar Negara, UKM yang telah mewakili Malaysia ke Pertandingan Olimpik Robot Dunia 2019 di Győr, di Hungary.

Terdahulu, Syarikat juga telah menganjurkan program menaik taraf fasiliti di SK Tan Sri P. Ramlee di Pulau Pinang dan turut menyertai pelbagai program anjuran PINTAR Foundation dan Yayasan Amir, antara lain.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YB Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi, Setiausaha Politik kepada Menteri Kesihatan Malaysia, YB Puan Juwairiya Binti Zulkifli, ADUN Bukit Melawati, YB Encik Azli Hussein, Pegawai Khas ADUN Ijok dan YB Tuan Mohd Shaid Bin Rosli, ADUN Jeram.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah peneraju syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**; Hubungi Hafiz Noor (hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com / 019 424 8283 / 03 2725 6946); atau Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@uemnet.com / 012 340 9438 / 03 2725 7367)